

Menerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), di sepanjang tempoh RMKe-9 dan RMKe-10 sebanyak 53 teknologi bernilai RM41.64 juta, hasil penyelidikan di dalam bidang pertanian telah berjaya dikomersilkan menerusi geran penyelidikan biayaan kerajaan.

Tuan Yang di – Pertua,

Merujuk kepada soalan oleh Ahli Yang Berhormat, dalam bidang industri padi sahaja, sebanyak 9 buah syarikat tempatan dan institusi penyelidikan telah diberikan dana berjumlah RM25 juta di sepanjang tempoh RMKe-9, manakala dalam tempoh RMKe-10 pula, sebanyak 4 buah syarikat tempatan dan institusi penyelidikan telah diberikan dana berjumlah RM1.97 juta bagi tujuan yang sama.

Sekian, terima kasih.